

09/10/2000

Waja guna enjin Lotus tahun 2002

Badrila Jamlus in Norwich, England

PERUSAHAAN Otomobil Nasional Berhad (Proton) akan mengeluarkan kira-kira 180,000 unit setahun enjin terbaru yang dibangunkan bersama Lotus Engineering (Lotus), dari United Kingdom.

Ketua Eksekutif Proton, Tan Sri Tengku Mahaleel Tengku Ariff, berkata enjin yang masing-masing berkuasa 1.3 dan 1.6 liter itu akan mula dikeluarkan di Malaysia pada 1 April 2002.

Beliau berkata, enjin itu akan dipasang pada model terbaru Proton Waja dan berbeza berbanding enjin yang digunakan Proton sekarang.

Proton ketika ini menggunakan enjin keluaran Mitsubishi Motors Corporation (MMC) dan Citroen Automobil bagi model Tiara.

Bagaimanapun ketika ditanya mengenai harga model Waja pada tahun 2002 selepas menggunakan enjin sendiri, Tengku Mahaleel enggan memberi ulasan tetapi memberi gambaran bahawa enjin itu akan dikeluarkan pada kos yang berdaya saing.

Beliau berkata, pengeluaran enjin sendiri membolehkan harga kereta Proton dijual pada harga yang berdaya saing seperti mana model Waja sekarang.

Katanya, jumlah pengeluaran enjin itu juga tidak bermakna jualan sebenar kereta setahun kerana enjin itu boleh dijual kepada pengeluar kereta lain.

"Enjin itu jauh lebih berbeza berbanding enjin lain kerana ia menggunakan teknologi kejuruteraan Lotus yang canggih," katanya pada sidang akhbar selepas lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di kilang Lotus di Hethel dekat Norwich di England, Jumaat lalu.

Pada lawatan itu, Perdana Menteri melihat sendiri enjin prototaip berkuasa 1.6 liter yang dibangunkan melalui projek enjin kecil Proton (S-ENG).

Enjin yang akan dipasang pada model Waja itu sudah diuji sepenuhnya di pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) Lotus di UK pada 27 Julai 2000 lalu.

Difahamkan selepas tempoh tiga bulan daripada tarikh ujian itu, Proton akan mula mengeluarkan enjin berkuasa 1.3 liter.

Proton juga akan menguji enjin itu pada model Waja pada tahun ini sebelum memulakan pengeluarannya pada 1 April 2002.

Ketika ini kira-kira lebih 10 jurutera Proton yang ditempatkan di Lotus terbabit dalam pengeluaran enjin yang membabitkan 60,000 jam kejuruteraan.

Proses pengeluaran enjin sehingga tahap itu hanya membabitkan masa kira-kira sembilan bulan iaitu satu tempoh yang singkat bagi mana-mana pengeluar automotif lain.

Ditanya mengenai projek pengeluaran kereta sport Proton untuk pasaran tempatan, Tengku Mahaleel berkata, Proton mungkin mengambil masa kurang daripada tiga tahun untuk mengeluarkan kereta sport sendiri.

Beliau berkata, kerjasama untuk mengeluarkan kereta sport dengan Lotus menjadi kelebihan kepada Lotus dalam meningkatkan imej Lotus sebagai pengeluar kereta sport terkemuka.

(END)